

**Tunku Temenggong Johor Tunjuk Keberanian Kendali Helikopter Tiger
Bernama
9 Disember, 2011**

LANGKAWI, 9 Dis (Bernama) -- Tunku Temenggong Johor Tunku Idris Ibrahim Jumaat menunjukkan keberanian beliau mengendalikan helikopter 'Tiger' keluaran Eurocopter sempena lawatannya ke Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2011 (LIMA '11) di sini.

Beliau menaiki helikopter itu yang dipandu juruterbang Fabrice Bonne dan mengambil masa kira-kira 25 minit berada di ruang udara berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Beliau yang ditemui selepas menaiki helikopter berkata, ini kali kelima beliau membuat penerbangan dengan pesawat pejuang tetapi helikopter ini mempunyai kelengkapan senjata yang lebih canggih.

Tunku Idris berkata walaupun hanya 25 minit tetapi ia satu pengalaman yang berharga dan berharap dapat menerbangkan helikopter itu dengan lebih lama lagi.

"Ia mempunyai sistem kawalan yang hebat. Pilot juga ada memberi arahan tentang cara kawalan pesawat yang baik," kata beliau kepada Bernama.

"The Tiger" merupakan generasi terbaru helikopter penyerang yang ditampilkan pada demonstrasi penerbangan di LIMA '11.

Ia adalah helikopter berat sederhana 6-tan dengan kokpit dua tempat duduk dan rekaan enjin kembar untuk keupayaan 'survival'.

Pesawat itu dimajukan bagi meliputi pelbagai peranan luas dalam kondisi operasi yang cukup mencabar termasuk pengintipan dan pengawasan bersenjata, tugas mengiring, tempur udara ke udara, sokongan serangan dari bumi dan tempur kereta kebal.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633196>